

PANDUAN PENYEDIAAN PREMIS PEMBERI PINJAM WANG (PPW)**1. Pengesahan Alamat Premis Perniagaan**

Syarikat perlu mendapatkan kelulusan Kementerian terlebih dahulu bagi menjalankan perniagaan PPW di alamat operasi perniagaan yang baharu. Syarikat diingatkan bahawa rumah kediaman tidak boleh dijadikan sebagai premis perniagaan.

2. Panduan Penyediaan Premis Pemberi Pinjam Wang

- a) Mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk membuat kerja-kerja pengubahsuaian di premis berkenaan;
- b) Mempunyai sistem litar televisyen tertutup (CCTV) yang berfungsi;
- c) Menyediakan premis yang selesa, lengkap dengan ruangan menunggu dan berhawa dingin (jika berkenaan);
- d) Memberi talian telefon tetap, telefon bimbit serta alamat e-mel semua pengarah dan pengurus syarikat yang boleh dihubungi pada bila-bila masa oleh Kementerian;
- e) Mempunyai alat pemadam api yang masih dalam tempoh hayat dan penggera asap mengikut piawaian yang diperakui oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;
- f) Mempunyai peti besi berkunci untuk menyimpan dokumen perjanjian PPW dan untuk menyimpan barang-barang yang dicagar (jika berkenaan); dan
- g) Mempunyai perlindungan insurans yang efektif, komprehensif dan mencukupi bagi premis perniagaan dan cagaran dalam simpanan PPW.

3. Sekiranya PPW ada menerima cagaran emas, syarikat PPW perlu menyediakan perkara seperti berikut:

- a) Barang cagaran emas perlu disimpan dalam peti besi yang ditempatkan dalam bilik kebal yang ketebalan dindingnya minimum 22.86cm (9 inci) dan pintunya boleh terkunci secara automatik selepas waktu perniagaan; dan
- b) Mempunyai Insurans *Jeweller's Block* yang komprehensif dan mencukupi pada setiap masa ke atas semua barang cagaran dalam milikannya dari semua risiko.

4. Tempoh Pelanjutan Masa Kelulusan Bersyarat

Pelanjutan masa kelulusan bersyarat adalah tidak dibenarkan.

5. Bagi syarikat yang mempunyai dua (2) perniagaan dalam sebuah premis yang sama dimana PPW bukan merupakan perniagaan utama. Contohnya, syarikat pemaju, kedai motor, kedai jual kereta, perkhidmatan pengangkutan, pelancongan dan juga perniagaan lain. Syarikat yang mempunyai jenis perniagaan lain adalah dimohon untuk meletak jenis iklan yang bersesuaian mengikut saiz dan ukuran yang

ditetapkan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing, sebagai makluman bahawa syarikat juga merupakan PPW berlesen. Kandungan jenis iklan seperti di **Lampiran A**.

6. Tempoh masa selama **enam (6) bulan** akan diberikan kepada setiap pemohon bagi tujuan penyediaan premis PPW dan pelanjutan masa adalah tidak dibenarkan.
7. **Pemeriksaan Premis**
 - a) Permohonan pemeriksaan premis perlu dikemukakan kepada Kementerian selepas syarat-syarat penyediaan premis telah dipatuhi;
 - b) Senarai semak panduan penyediaan premis PPW seperti di **LAMPIRAN I-B** hendaklah dilengkapkan oleh syarikat setelah memenuhi syarat tersebut dan dikemukakan bersama-sama surat permohonan pemeriksaan premis perniagaan serta dokumen-dokumen sokongan; dan
 - c) Pemeriksaan premis akan dijalankan oleh Inspektor PPW bagi tujuan menyemak kepatuhan syarat-syarat tersebut. Pengarah atau wakil syarikat perlu hadir semasa pemeriksaan premis dijalankan.
8. Kelulusan ini juga adalah tertakluk kepada syarat-syarat tambahan yang akan ditetapkan oleh Pendaftar dari semasa ke semasa.